

Wartawan bukan golongan istimewa

H - 8 SEP 1992

KUALA LUMPUR, Isnin — Wartawan bukan golongan istimewa dan tidak terkecuali daripada tindakan undang-undang mengikut Akta Rahsia Rasmi 1986 jika mereka ditangkap membeli atau mencuri maklumat rahsia kerajaan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, kerajaan tidak mahu mempertahankan perkara yang tidak benar tetapi jika seseorang sengaja membeli maklumat yang dilindungi OSA, tindakan akan diambil tanpa mengira sama ada wartawan atau bukan.

"Kita tidak boleh mengatakan wartawan dikecualikan daripada tindakan OSA kerana jika mereka dikecualikan, semua orang akan menggunakan wartawan untuk mendapat maklumat yang dirahsiakan.

"Kalau wartawan mahu dikecualikan, terpaksa Dewan Rakyat membuat undang-undang membenarkan wartawan mendapat semua maklumat dan saya mengikut undang-undang itu.

"Tetapi pada masa ini, undang-undang kata tidak ada sesiapa dikecualikan (daripada OSA). Ini bermakna jika pegawai kerajaan tidak mendapatkan kebenaran daripada saya, dia tidak boleh mengeluarkan maklumat rahsia," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, hari ini.

Bagaimanapun, kata

Perdana Menteri, kerajaan tidak pernah mengarahkan polis supaya menyalahgunakan maklumat wartawan yang memperolehi maklumat berhubung isu pembelian 22 Volvo Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan tindakan Datuk Bandar, Tan Sri Elyas Omar.

Beliau mengulas pendirian sebuah akhbar tempatan berbahasa Inggeris yang tidak mahu mendedahkan sumber yang memberi maklumat kepada wartawannya berhubung isu Datuk Bandar walaupun disoalsiasat polis.

"Polis mempunyai hak untuk menyoalsiasat sesiapa, wartawan bukan golongan istimewa, mereka boleh disoal. Apa pendirian mereka terpujanglah. Tetapi, kalau mereka melanggar undang-undang, kita tentu mengambil tindakan mengikut peruntukan undang-undang.

"Jika mereka menyiarkan berita yang didapati daripada khabar angin atau cara lain, itu hak mereka, tetapi jika mereka ditangkap membeli atau mencuri maklumat, tindakan undang-undang tetap akan dikenakan," katanya.

Dr Mahathir juga menegaskan kerajaan tidak pernah 'menutup mulut' akhbar seperti yang didakwa sesetengah pihak.

"Kita memberi kebenaran kepada banyak badan untuk mengeluarkan akhbar dan sesetengah daripada badan ini menentang kerajaan. Akhbar

yang mereka terbitkan tidak pernah menulis sesuatu yang baik mengenai kerajaan tetapi kerajaan kita tidak pernah menghalang mereka walaupun sesetengah memihak dan tidak tepat.

"Sebaliknya orang yang memiliki akhbar ini yang menghalang akhbar mereka daripada menulis sesuatu yang baik bagi kerajaan. Soal penyalahgunaan kuasa bukan terhadap kepada kerajaan saja malah suratkhbar juga menyalahgunakan kuasa," katanya.

Katanya, kewujudan akhbar yang menyokong dan menentang kerajaan adalah perkara biasa dalam sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi.

Perdana Menteri juga mengulas mengenai laporan sebuah akhbar tabloid yang menyiarkan dakwaan beberapa pemimpin parti pembangkang termasuk Setiausaha Agung DAP dan Pengerusi Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah bahawa Biro Tata Negara (BTN) digunakan untuk kepentingan parti politik.

"Ketika Pengerusi S46 dalam Umno dulu, dia memang buat macam tu, tetapi sejak itu kita sudah berhenti. BTN ditubuhkan untuk menjelaskan pendekatan kerajaan terhadap pembangunan dan apa fungsi orang politik, pegawai kerajaan dan swasta untuk membanjirkan negara khususnya berhubung Wawasan 2020," katanya.